



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD ALI BIN MANSOR  
KETUA PENGARAH  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

**SEMPENA  
BICARA ILMU RAMADAN “MELABUR TANPA WAS-WAS”  
&  
MAJLIS BERBUKA PUASA**

**TARIKH & MASA  
11 APRIL 2023 (SELASA)  
5.30 PETANG**

**TEMPAT  
IKMa, PETALING JAYA**

## **Pembuka Kata**

1. Bismillahhirrahmanirrahim
2. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.
3. Terima kasih saudara pengacara majlis.
4. (senarai salutasi)
  - a. **YB. Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi,**
  - b. **YB Senator Puan Saraswathy Kandasami Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi**
  - c. senarai salutasi vip
  - d. **Tuan / Puan hadirin sekalian,**

## **Kata Aluan**

1. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam majlis **BICARA ILMU RAMADAN “MELABUR TANPA WAS-WAS” serta MAJLIS BERBUKA PUASA IKMa .**
2. Alhamdulillah pada hari ini kita akan bersama-sama dapat memperolehi ilmu pelaburan yang akan dikongsi oleh YBhg Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar, Pengurus Eksekutif Amanie Group.

3. Di bulan yang mulia ini, kita bersyukur kerana **IKMa terus berperanan dalam membantu koperasi mengenalpasti peluang-peluang mengukuhkan ekonomi ahli koperasi melalui pelbagai instrument, termasuklah instrumen pelaburan.** IKMa sebagai pusat kecemerlangan koperasi sentiasa berusaha secara turun padang bagi memastikan gerakan koperasi dibekalkan dengan ilmu pengetahuan terkini.
4. Hasrat Kerajaan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) diterjemahkan melalui **Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM)** yang menggariskan matlamat, sasaran dan langkah strategik untuk memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia. **Melalui pelan ini, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi golongan berpendapatan rendah (B40).** IKMa sentiasa berusaha memberi bimbingan berterusan kepada koperasi dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup bagi menambahbaik kesejahteraan anggota koperasi.
5. Alhamdulillah, sehingga kini **30 program turun padang IKMA yang dikenali sebagai MasKop (Memasyarakatkan Koperasi)** telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai **6,230 orang peserta.** Jumlah kehadiran peserta yang amat menggalakkan ini memberi petunjuk bahawa ahli koperasi sentiasa berusaha untuk memajukan diri demi masa depan yang lebih terjamin.

**YB. Datuk, Tuan dan Puan hadirin sekalian,**

6. Untuk makluman, IKMa turut turut menawarkan sijil eksekutif kepada gerakan koperasi. Penawaran program sijil ini juga berdasarkan tujuan ke tiga Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025 (TransKoM) yang menekankan kepada aspek pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan bagi mewujudkan modal insan berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju.
7. Pada 7 Mac 2023 lalu, seramai **38 orang telah dianugerahkan Pensijilan Eksekutif dari IKMa**. **13 orang menerima Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SepKo)** dan **25 orang menerima Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SesKo)**. Mereka mewakili **29 buah koperasi dari seluruh negara (termasuk Sabah dan Sarawak)**. Penyertaan program ini terdiri daripada koperasi kluster besar,koperasi kluster sederhana termasuk juga dari koperasi kluster kecil dan mikro.
8. IKMa juga turut mempergiatkan **Program Bimbingan Bersasar** bagi memastikan koperasi terus dibimbing agar sentiasa kekal kompetitif . Antaranya adalah
  1. **Program C.O.D.E** – meningkatkan pengetahuan koperasi dalam arus digitalisasi.
  2. **Program F.A.S.T** -bimbingan meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran koperasi dalam operasi perakaunan dan kewangan

3. **CoopBizpreneur** – membimbing koperasi mengenalpasti potensi dan peluang perniagaan yang boleh diceburi
9. Program – program bimbingan ini akan memberi peluang dan ruang kepada gerakan koperasi agar sentiasa bersedia dan mampu merebut peluang memceburkan diri dalam aktiviti sektor perniagaan yang berimpak tinggi.

**YB. Datuk, Tuan dan Puan hadirin sekalian,**

10. Golongan muda, termasuk siswa-siswi pusat pengajian tinggi turut diberi perhatian khusus oleh IKMa dalam mengarus perdana budaya koperasi. Sehubungan itu, IKMa telah melaksana **Program Perintis Graduan Ke Koperasi (G2K)**. Sehingga kini, seramai **85 orang siswa-siswi UPM & UKM telah dianugerahkan Sijil Pengurusan Koperasi dan Pemasaran Digital**. IKMa juga berterusan melaksana Kursus Komunikasi dan Ketrampilan kepada siswa siswi .**Program Mesra IKMa Bersama Siswa pada 2022 telah berjaya menarik lebih dari 450 penyertaan terdiri dari siswa dan siswi UIA, UKM & UPM**. IKMa juga dalam peringkat perbincangan untuk bekerjasama dengan lebih banyak IPTA, terkini adalah dengan USIM. Diharapkan dengan penglibatan golongan muda dalam program anjuran IKMa dapat memperkasa gerakan koperasi di negara ini.

11. **Kesungguhan dan keyakinan IKMa** untuk menarik minat golongan muda bagi memenuhi keperluan pembangunan profesionalisme dalam pengurusan koperasi **diteruskan dengan penubuhan Universiti KKM. Alhamdulillah pada Februari dan Mac lalu, UKKM telah mendapat akreditasi sementara dari MQA** untuk lima program yang ditawarkan iaitu:
1. Diploma Pengurusan Koperasi
  2. Diploma Keushawanan Koperasi
  3. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi)
  4. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keushawanan Koperasi)
  5. Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi)
12. IKMa sesungguhnya yakin dan berharap akan mendapat kerjasama tinggi dari seluruh gerakan koperasi untuk menjayakan UKKM. **Gerakan koperasi boleh berperanan besar dalam menyemarakkan perjalanan UKKM melalui pelbagai kaedah dan peranan.** Antaranya adalah dengan **kaedah pemilikan saham**, menghantar ahli atau kakitangan sebagai pelajar UKKM, menyediakan bantuan biasiswa kepada pelajar UKKM, kerjasama program dan menerima pelajar UKKM untuk latihan industri (internship)

**YB. Datuk, Tuan dan Puan hadirin sekalian,**

13. Pada hari ini juga **kita meraikan anak-anak yatim dari Pertubuhan Budi dan juga ahli keluarga kepada kakitangan IKMa yang telah kembali ke Rahmatullah**. Semoga kehadiran anak-anak ini menambah keberkatan majlis kita pada hari ini.
14. Kepada semua peserta yang hadir pada hari ini, Tuan dan Puan adalah penggerak koperasi yang sentiasa hadir menyertai program anjuran IKMa tanpa rasa jemu dan yang pastinya adalah untuk sama – sama membangunkan gerakan koperasi. Saya ingin mengucapkan "**syabas dan terima kasih**" kepada semua yang hadir pada program kali ini. Semoga kehadiran dan usaha murni semua ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.
15. **Akhir kata**, saya ingin juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua tenaga kerja IKMa yang terlibat menjayakan Program Bicara Ilmu dan Majlis berbuka Puasa pada hari ini. Semoga majlis ini berjalan lancar dan puasa kita dinilai sebagai ibadat di sisi Allah S.W.T

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

